

Suri rumah 17 tahun ditemui tidak bernyawa selepas bergaduh dengan pasangan

Wanita mati ditumbuk suami

Kosmo
29/2/2016
MIS 15

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

POH - Seorang isteri muda maut dipercayai dibelasah suaminya selepas pasangan tersebut bergaduh mengenai masalah rumah tangga mereka di Ladang Sengat, Simpang Pulai di sini semalam.

Mangsa, S. Durga Devi, 17, dijumpai dalam keadaan terbaring dengan kesan kecederaan di muka di ruang tamu rumahnya kira-kira pukul 7.30 pagi.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Sum Chang Keong berkata, pemeriksaan awal pada mayat suri rumah itu mendapati kecederaan dialami mangsa dipercayai akibat ditumbuk.

Menurut beliau, semasa kejadian, wanita malang itu hanya tinggal berdua dengan suaminya yang bekerja sebagai seorang buruh di rumah bapa lelaki terbabit sejak pasangan itu berkahwin setahun lalu.

"Berdasarkan maklumat

jiran, mereka terdengar bunyi pergaduhan dari rumah pasangan tersebut.

"Pergaduhan dipercayai berpunca daripada masalah keluarga bermula tengah malam kelmarin dan berlarutan sehingga sekitar pukul 5 pagi semalam," kata beliau ketika dihubung *Kosmo!* semalam.

Chang Keong memberitahu, pihak polis kemudian menahan suami mangsa yang berusia 27 tahun di kawasan rumahnya untuk membantu siasatan.

Mayat mangsa dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun di sini untuk bedah siasat.

"Polis turut menemui kesan da-

rah di luar rumah pasangan itu dan sampel darah itu telah diambil untuk dihantar ke Unit Forensik bagi mengenal pasti sama ada ia milik mangsa atau suaminya.

"Tiada sebarang senjata dirampas dan kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan," kata beliau.



POLIS menahan buruh yang disyaki membunuh isterinya, Durga di Ladang Sengat, Simpang Pulai semalam.